

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 24 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1433-MQT1082
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menasihati SPB YDP Agong bagi mengisytiharkan darurat di DUN Bugaya dan Parlimen Gerik seperti di Parlimen Batu Sapi. Nyatakan rasional jika ianya ingin dilaksanakan dan jawapan berkenaan kekangan hak demokrasi pengundi untuk kawasan yang berkaitan.

2. PR-1433-MQT1083
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan TV Pendidikan, jumlah murid dan pelajar yang mengikuti program TV Pendidikan, dan sama ada KPM ada rancangan untuk menambah masa siaran TV Pendidikan.

3. PR-1433-MQT1087
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian untuk '*regulate*' trend kelahiran menggunakan khidmat Doula di Malaysia untuk memastikan tiada peningkatan kadar kelahiran tidak selamat dan juga kematian ibu atau anak yang dapat dielakkan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 24 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 41

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1433-L10927
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pembinaan tiga kapal induk APMM yang akan digunakan bagi meningkatkan pengoperasian di perairan negara dalam usaha mencegah aktiviti pencerobohan bot nelayan asing.

2. PR-1433-L11220
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu pekerja-pekerja yang telah pun secara rata-ratanya diberhentikan kerja (*retrenched*) sepertimana yang telah dilaporkan secara meluas dalam media massa baru-baru ini.

3. PR-1433-L10295
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan hala tuju baharu bagi mentransformasikan sektor pertanian negara agar dapat meningkatkan tahap sara diri (SSL), seterusnya menjadi pengeksport keluaran pertanian terbesar di peringkat global.

4. PR-1433-L10883
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah ada perancangan yang lebih menyeluruh yang dilakukan oleh Kementerian bagi menggantikan balai-balai polis daerah dan juga pondok-pondok polis yang telah lama sama ada diganti baru atau diubah suai.
5. PR-1433-L10230
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina tempat tinggal staf dan menyediakan Doktor Pakar Perubatan Keluarga di Klinik Kesihatan Sungai Asap.
6. PR-1433-L10841
Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pendirian berkenaan dengan permohonan Persatuan Pemandu Limosine Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu untuk diberi kebenaran menggunakan aplikasi e-Hailing, memandangkan pendapatan mereka terjejas akibat aktiviti Grab di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.
7. PR-1433-L11030
Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi dan hala tuju Kementerian berkaitan import dan eksport negara bagi terus meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk melabur di Malaysia, khususnya di Sabah.
8. PR-1433-L10733
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memberi keutamaan kepada pegawai perubatan yang berasal dari Sarawak untuk mengisi jawatan kosong lantikan tetap di hospital-hospital Sarawak pada masa depan dan apakah status terbaru bagi tawaran pelantikan kontrak memandangkan tawaran kontrak 6 bulan yang diamalkan mendapat kritikan daripada para pegawai perubatan (kontrak) selama ini.
9. PR-1433-L10111
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status Projek Pengairan IADA Sungai Manik dan pelan Kementerian untuk menyiapkan projek pengairan tersebut.

10. PR-1433-L10985
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah pencapaian program bantuan pertanian terutamanya kelapa Mataq/Pandan dan perusahaan ikan bilis di Labuan oleh Kementerian sebelum ini. Adakah Kementerian bersedia untuk menambah bantuan bagi membantu industri tersebut terus berkembang maju di Labuan.
11. PR-1433-L10691
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah pembinaan struktur penahan ombak akan dibina di kawasan terhakis seperti di Pantai Paloh, Sebako dan kawasan utara Pulau Bruit memandangkan kejadian hakisan pantai semakin teruk dan menjejaskan penempatan penduduk kampung.
12. PR-1433-L11000
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebelum vaksin untuk COVID-19 ditemukan bagaimanakah langkah pihak Kementerian untuk menyembuhkan majoriti pesakit yang dijangkiti penyakit bahaya itu di negara kita.
13. PR-1433-L10270
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik jumlah terkini kadar pengangguran berbanding negara serantau serta langkah yang diambil Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.
14. PR-1433-L10663
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-
 - (a) langkah persiapan menghadapi jerebu memandangkan pembatalan Akta Jerebu Rentas Sempadan ; dan
 - (b) rasional pembatalan akta ini atas alasan kerumitan penguatkuasaan. Berikan senarai kerumitan pelaksanaan serta tindakan alternatif atau diplomatik yang diambil.
15. PR-1433-L11148
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kementerian dalam memastikan proses pemutihan nelayan Zon A di seluruh negara dapat disegerakan dan jaminan bahawa nelayan tulen dan tradisional mendapat pembelaan dan hak yang sewajarnya.

16. PR-1433-L10138
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan dan rancangan yang bakal dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan untuk memulihkan perkhidmatan feri di Pulau Pinang.
17. PR-1433-L10120
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah Kementerian lakukan terhadap tahap imunisasi serta pemakanan bagi komuniti masyarakat Orang Asli di Malaysia untuk mencegah wabak penyakit seperti COVID-19 daripada menular di kalangan mereka.
18. PR-1433-L11338
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan mekanisme terbaik bagi membela nasib salah satu rantai nilai industri padi iaitu kilang pemprosesan padi yang terhimpit dengan harga siling beras yang ditetapkan sedangkan kos dan harga padi semakin meningkat saban tahun.
19. PR-1433-L10866
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perancangan jangka panjang Kementerian dalam memelihara serta memulihara kawasan hutan sebagai suatu cara semula jadi bagi mengatasi masalah banjir yang sering kali berlaku ini.
20. PR-1433-L10722
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan permohonan dari Sarawak yang telah diterima, diproses dan diluluskan sejak penambahbaikan SOP Permohonan Kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan mulai tahun 2020 dan apakah rancangan Kementerian untuk membantu golongan pemohon yang gagal sebelum ini tetapi sudah melebihi umur 21 tahun yang lahir di Malaysia dan tidak mengetahui ibu bapa kandung mereka.
21. PR-1433-L10929
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dan penagihan dadah ketika pelaksanaan PKP di negara ini.

22. PR-1433-L10542
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan program komuniti yang sudah dilaksanakan dan dirancang oleh NGO dan agensi Kerajaan bagi memerangi COVID-19 serta senaraikan bukti kesiapsiagaan Kementerian menangani pandemik ini.
23. PR-1433-L10619
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja di sektor informasi dan ekonomi gig. Adakah pihak Kementerian akan mempertimbangkan penggunaan aplikasi pintar untuk mendaftarkan pekerja informal yang kehilangan pekerjaan akibat wabak COVID-19. Apakah program keselamatan sosial untuk pekerja informal selain daripada bantuan kewangan secara *'one-off'*.
24. PR-1433-L10511
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Sarawak sebagai landasan untuk mentransformasikan sektor pertanian ke arah pertanian moden atau "*Smart Farming*".
25. PR-1433-L11399
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian akan menyejgerakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB), dan projek sistem agihan saluran air tahun ini khususnya di daerah-daerah kritikal di Sabah yang kerap dilanda banjir.
26. PR-1433-L11321
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian dalam membantu graduan menganggur untuk mendapatkan pekerjaan dan apakah usaha bagi mengawal atau mengurangkan bilangan pekerja yang diberhentikan ekoran pandemik COVID-19.
27. PR-1433-L10743
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan lot parkir di Hospital Tuanku Jaafar Seremban, memandangkan hospital ini menerima ramai pesakit setiap hari, sama ada Kementerian bersedia membina lot parkir bertingkat untuk mengatasi masalah yang berlaku.

28. PR-1433-L10482
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah hilang pekerjaan sejak bermula pandemik COVID-19. Mohon diberikan jawapan mengikut sektor ekonomi.
29. PR-1433-L10488
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian telah mempunyai plan perancangan keseluruhan berhubung kerja-kerja menaik taraf serta pengoperasian feri-feri baru di Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan turut dijemput untuk memberi maklum balas berhubung plan berkaitan dan bilakah ia dijangka dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
30. PR-1433-L10225
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan jelaskan apa penyelesaian jangka panjang yang akan dilaksanakan bagi menangani masalah kecekatan muara sungai sekitar negara khususnya di Kedah.
31. PR-1433-L11378
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian dalam membersihkan semula imej Polis Diraja Malaysia (PDRM) agar kepercayaan rakyat yang telah goyah ekoran penahanan beberapa anggota dan pegawai PDRM yang terlibat dalam *Macau Scam* dan pengubahan wang haram oleh SPRM kembali pulih serta apakah inisiatif bagi memastikan isu *Macau Scam* yang berpunca daripada kebocoran data dan maklumat peribadi tidak lagi berlaku.
32. PR-1433-L10827
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk membina balai polis baru termasuk kuarters anggota di Pekan Matu di dalam kawasan Parlimen Igan memandangkan sekarang mereka menumpang di Bangunan Persekutuan Matu.
33. PR-1433-L11067
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah saksi yang telah dirakam keterangan bagi membantu siasatan semula kes kematian mendiang Teoh Beng Hock dan status terkini kes tersebut.

34. PR-1433-L10717
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perubahan *Standard Operating Procedure* (SOP) pengurusan pesakit di penjara bagi memastikan kes COVID-19 di dalam penjara tidak menjadi satu kluster yang besar.
35. PR-1433-L10353
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Hospital Daerah Kota Belud akan dinaik taraf memandangkan keadaan hospital sekarang tidaklah sebaik dari segi fasiliti berbanding hospital-hospital daerah lain terutama sewaktu keadaan pandemik ini berlaku, mungkin beberapa fasiliti harus dinaik taraf kepada bangunan atau peralatan baru.
36. PR-1433-L10180
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mempertimbangkan untuk meminda Perlembagaan bagi membenarkan laporan DNA menjadi bukti sah ikatan hubungan seorang bapa dan anaknya bagi memohon kewarganegaraan melibatkan kanak-kanak yang tidak mempunyai sijil kelahiran.
37. PR-1433-L11182
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan selepas menarik balik pengeluaran pas IMM13 pada bulan Jun 2020 dalam penyelesaian isu pendatang asing tanpa izin dan orang tanpa kewarganegaraan di Sabah.
38. PR-1433-L10561
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini penyiasatan dan tindakan susulan yang diambil berkaitan dengan satu laporan polis (No Laporan Cheras 021515/20) pada 10 Oktober 2020 serta laporan yang dibuat kepada Ketua Polis Kuala Lumpur pada 15 Oktober oleh 7 pengadu berkenaan penyalahgunaan kuasa dan salah laku anggota polis.
39. PR-1433-L10622
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini bilangan orang yang ditahan dalam pusat tahanan imigresen di seluruh negara mengikut pecahan kewarganegaraan, umur, tempoh penahanan dan jantina. Apakah cadangan untuk mengawal penularan wabak COVID-19 di pusat tahanan dan statistik pelarian wanita yang mendapat rawatan di OSCC tetapi tidak berjaya akibat tidak memiliki dokumen sah.

40. PR-1433-L11372
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendekatan terkini Kerajaan menangani isu kehilangan pekerjaan dan pengganguran khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan khasnya dalam sektor pelancongan dan penerbangan.
41. PR-1433-L10279
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah permohonan Geran Agropreneur Muda yang diterima dan jumlah diluluskan serta bagaimana Kementerian memastikan penerima geran terlibat secara aktif dalam sektor pertanian dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.
42. PR-1433-L10692
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes-kes kematian terkini dalam tahanan di lokap polis, penjara dan pusat tahanan imigresen dan apakah usaha untuk menangani masalah ini.
43. PR-1433-L10888
Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah statistik terkini penerima PekaB40, dan apakah pelan Kementerian untuk menambah baik pelan sedia ada terutamanya dari segi ketersampaian kepada penduduk golongan B40.
44. PR-1433-L10388
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan pihak Kementerian berkenaan pengujudan IPD di daerah Telang Usan dan Beluru yang telah dinaikkan taraf ke status daerah penuh sejak 5 tahun lepas. Nyatakan juga perancangan Kementerian berkenaan Balai Polis di daerah kecil Bario.
45. PR-1433-L11309
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Utusan Malaysia akan disiasat di bawah Akta Kanak-Kanak atas kecuaiannya dan kegagalan dalam melindungi hak anak kepada mangsa pembunuhan pada 5 Ogos yang lalu.

46. PR-1433-L10098
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan signifikan usaha sama Kementerian dengan Unit Psikiatri hospital awam menerusi Program RESTART kepada pesakit-pesakit mental di negeri Sabah bagi mendapatkan peluang kerjaya tanpa memerlukan mereka bermusafir ke Semenanjung.
47. PR-1433-L10190
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat kemungkinan ujian klinikal COVID-19 melalui swab tercemar semasa sampel diambil seterusnya menghasilkan keputusan *'false positive'* terhadap pesakit.
48. PR-1433-L10798
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan jangka panjang Kementerian untuk menyelesaikan isu pegawai kontrak UD41 selain memberikan mereka gred sementara iaitu UD43.
49. PR-1433-L11397
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah baik fasiliti kesihatan (hospital dan klinik kesihatan) di Sabah dan mewujudkan lebih banyak makmal kesihatan khususnya pasca COVID-19.
50. PR-1433-L10518
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes kematian seorang anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Bin Mohd Kassim yang terkorban ketika bertugas dalam insiden rusuhan di sebuah kuil pada 27 November yang lalu setelah proses inkues dijalankan ketika pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan yang lalu.
51. PR-1433-L11389
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada program *Back for Good* yang dilaksanakan di Malaysia untuk Pemandang Asing Tanpa Izin kembali ke negara asal secara sukarela boleh dilaksanakan di Sabah dengan arahan Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Sabah yang diperuntukkan dalam Seksyen 64 Akta Imigresen 1959/63.

52. PR-1433-L11432
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan efektif yang telah dilaksanakan oleh pihak DBKL terhadap laporan isu banjir yang sering kali berlaku di kawasan persekitaran Kuala Lumpur terutamanya di seluruh kawasan Parlimen Batu yang terjejas.
53. PR-1433-L11236
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siasatan yang dibuat secara terperinci berkenaan isu penyebaran gambar-gambar wanita dan pornografi kanak-kanak dalam talian (*online*) melalui aplikasi Telegram yang tular baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan perkara sebegitu tidak berulang lagi.
54. PR-1433-L10359
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memperkasa ekonomi berasaskan pertanian khususnya dalam aspek pengkomersialan teknologi dan inovasi sektor pertanian dan agro makanan negara.
55. PR-1433-L10852
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan terhadap penyebar berita tidak benar di media sosial tahun 2020.
56. PR-1433-L10938
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kesan positif kepada kadar pengangguran dalam kalangan belia melalui pelaksanaan pakej rangsangan PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan dan PENJANA.
57. PR-1433-L10073
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan sekarang akan bersetuju dengan cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang pada bulan September 2020 lalu menggesa supaya Kerajaan meneliti semula kenaikan gaji dan upah pekerja swasta mengikut keadaan kos sara hidup semasa.
58. PR-1433-L10337
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapa jumlah yang telah dibelanjakan untuk membawa pulang pelajar-pelajar yang terkandas di luar negara di negara-negara yang terjejas teruk dengan COVID -19.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.16/2020) Rang Undang-undang Perbekalan 2021 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (23 November, 2020)**

DAN

Usul dibuat oleh YB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (23 November, 2020)

2. (D.R 17/2020) Rang Undang-undang Kewangan 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]
3. (D.R 11/2020) Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (5 November, 2020)**
[Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi]
4. (D.R 13/2020) Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]
5. (D.R 14/2020) Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 "
[Menteri Sumber Manusia]

6. (D.R 15/2020) Rang Undang-undang Lembaga Angkasa **Bacaan Kali
Malaysia 2020 Yang Kedua**

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

7. (D.R 12/2020) Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas "
Tatakelakuan Polis 2020

[Menteri Dalam Negeri]

8. PR-1433-U(27)141
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

[Perdana Menteri]

9. PR-1433-U(27)144
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

[Perdana Menteri]

10. PR-1433-U(27)145
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangi berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."

[Perdana Menteri]

11. PR-1433-U(27)146

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."

[Menteri Alam Sekitar Dan Air]

12. PR-1433-U(27)147

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

13. PR-1433-U(27)148

Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."

[Menteri Kesihatan]

14. PR-1433-U(27)149

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1433-U(27)150

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."

[Menteri Kewangan]

16. PR-1433-U(27)152

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

17. PR-1433-U(27)164

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."

[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1433-U(27)166

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1433-U(27)135

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendatang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendatang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut :

Tahun	Sabah	Sarawak
1951	334,141	
1960	454,561	
1970	636,431	976,269
1980	929,299	1,235,553
1991	1,734,685	1,642,771
2000	2,449,389	2,012,616
2005	3,313,000	2,340,000
2010	3,330,000	2,560,000

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1433-U(27)136

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasi impian Malaysia."

[Menteri Perpaduan Negara]

21. PR-1433-U(27)137

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

22. PR-1433-U(27)138

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] akan mencadangkan :-

